

# Alamat Pejabat YPK Kawasan

BIL	ALAMAT	NO TELEFON & FAKS
1	Pejabat YPKT Kawasan Kemaman Lot 144 Kg Gong Limau 24000 Kemaman, Terengganu	09-858 4898
2	Pejabat YPKT Kawasan Dungun Lot 9999 Bangunan Business Centre Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu	09-848 5654
3	Pejabat YPKT Kawasan Hulu Terengganu Lot G18, G19, G20 & G21, Tingkat 1 Bangunan Aked Diman, Ajil 21800 Hulu Terengganu	09-686 1012
4	Pejabat YPKT Kawasan Marang PT No. 160 & 161, Pekan Marang, 21600 Marang, Terengganu	09-618 9135
5	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu Jalan Sultan Omar 20300 Kuala Terengganu	09-624 9355
6	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Nerus Lot PT 30714 Tmn Desa Wakaf Baru Jalan Lapangan Terbang 21300 Kuala Terengganu	09-667 2667
7	Pejabat YPKT Kawasan Setiu Lot 2731 Kg Pak Kancil, Bandar Permaisuri 22100 Setiu, Terengganu	09-609 7808
8	Pejabat YPKT Kawasan Besut Lot 5120 A Bangunan Wisma Koperasi Guru Melayu Bhd, Kg Jawek 22000 Jerteh, Besut, Terengganu	09-697 6301



## Skim Simpanan Pendidikan Nasional

**UNTUK KELAHIRAN  
ANAK  
TERENGGANU**

**YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA  
TERENGGANU**

JALAN SULTAN OMAR,  
20300 KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU.

TEL : 096249355/57/58

FAKS : 096241078

## Pengenalan

- ☼ Kepesatan pembangunan pendidikan di Negeri Terengganu telah memberi ilham kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyediakan tabungan awal kepada setiap kelahiran baharu di negeri ini. Melalui bajet 2015, Y.A.B. Menteri Besar Terengganu telah mengumumkan bahawa setiap bayi yang lahir di negeri ini dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan layak memohon sumbangan ini. Sumbangan yang diberikan dibuat dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).
- ☼ Pengagihan ini akan diselaraskan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu setelah dibuat permohonan oleh pihak ibu bapa dan mendapat pengesahan daripada JKKK / Pemimpin masyarakat.

## Objektif

- ☼ Menggalakkan tabungan pembelajaran bermula dari awal kelahiran.
- ☼ Meraikan kanak-kanak yang dilahirkan di Negeri Terengganu dengan harapan dapat menyumbang perkembangan positif kepada pembangunan negeri selaras dengan kehendak di dalam prinsip kelapan Tansformasi Terengganu Baharu iaitu Memperkasakan Pendidikan.

## Syarat-syarat

- ☼ Ibu atau bapa mestilah merupakan rakyat Negeri Terengganu (lahir atau bermastautin lebih dari 10 tahun dan mendapat pengesahan daripada JKKK kawasan masing-masing).
- ☼ Ibu bapa kanak-kanak hendaklah merupakan rakyat di Negeri Terengganu.
- ☼ Kanak-kanak tersebut dilahirkan di dalam Negeri Terengganu bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember 2015.
- ☼ Permohonan perlu dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelahiran kanak-kanak tersebut.
- ☼ Pemohon perlu mengisi borang SSPN-i dan dilampirkan bersama dengan borang permohonan (Borang SSPN-i sebagaimana lampiran).
- ☼ Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen berikut :-
  - \* Kad Pengenalan Ibu / Bapa
  - \* Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa
  - \* Sijil Kelahiran Kanak-Kanak



## Bentuk sumbangan

- ☼ Sumbangan saguhati berjumlah RM 100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja) bagi setiap kanak-kanak dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).